

Mampu stabilkan harga barang

Penjimatan oleh kerajaan boleh disalur semula kepada rakyat

SHAH ALAM

Subsidi boleh dirasionalisasikan semula apabila gaji dan upah rakyat Malaysia kembali meningkat berbanding kenaikan inflasi.

Ketua Pakar Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Firdaos Rosli berkata, pemberian subsidi menerusi mekanisme itu mampu mengekang kenaikan harga barang yang tidak terkawal serta mengelakkan kesan jangka panjang terhadap prestasi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Pembukaan ekonomi kita agak lambat. Oleh itu, pertumbuhan KDNK tidak tumbuh dengan baik seperti yang sepatutnya disebabkan penularan pandemik Covid-19."

"Sebab itu kerajaan perlu pastikan pertumbuhan KDNK 2022 adalah yang terbaik sejak pandemik. Jika tidak, akan ada kesan jangka panjang terhadap KDNK dan kestabilan sosial."

"Apabila negara dilanda pandemik Covid-19 sejak dua tahun



FIRDAOS ROSLI



DAANIYALL

lalu, gaji rakyat Malaysia secara agregat telah turun disebabkan kadar pengangguran yang tinggi.

"Apabila kadar pengangguran turun, harga barang akan naik. Inflasi dunia memudaratkan lagi masalah ini apabila harga barang naik lebih tinggi daripada kenaikan gaji dan upah, ini bermaksud kerajaan perlu memberikan subsidi yang tinggi supaya kenaikan harga masih terkawal," katanya kepada *Sinar Harian*.

Bagaimanapun ujarnya, kerajaan perlu memperincikan dan menyediakan mekanisme yang jelas sebelum pelaksanaan subsidi bersasar.

Jelas beliau, subsidi bersasar juga bermakna harga barang akan terdiri daripada harga pasaran sebenar dan yang disubsidi.

"Apabila melibatkan dua peringkat harga yang berbeza, pengguna boleh salah guna produk bersubsidi untuk kepentingan sendiri. Ini mungkin menyukarkan pentadbiran kerajaan kerana kita perlu pastikan siapa golongan yang layak menerimanya."

Menurutnya, berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia, golongan B40 membelanjakan sekitar RM165 sebulan untuk petrol bersubsidi, manakala M40 dan T20 menggunakan RM350 hingga RM450 sebulan.


"Idea subsidi bersasar ini masih tidak jelas sejak pentadbiran sebelum ini lagi. Kita tidak seharusnya bincang perkara ini melalui lensa 'kaya lawan miskin' dan sebaliknya. Mungkin kita perlu membincangkan lagi mekanisme yang paling sesuai untuk laksanakan perkara ini," katanya.

Menurutnya, berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia, golongan B40 membelanjakan sekitar RM165 sebulan untuk petrol bersubsidi, manakala M40 dan T20 menggunakan RM350 hingga RM450 sebulan.

"Kebanyakan perbelanjaan bahan api misalnya RON95 banyak diberikan kepada golongan M40 dan T20, maknanya mereka telah menikmati subsidi yang lebih berbanding B40," katanya.

Kementerian Kewangan sebelum ini dipetik berkata perbelanjaan subsidi kepenggunaan bagi 2022 setakat ini diunjur berjumlah RM77.3 bilion, yang terbesar dalam sejarah negara.


Sementara itu, Pensyarah Kanan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Muhammad Daaniyall Abd Rahman berkata, subsidi perlu dirasionalisasikan bagi tujuan memfokuskan bantuan kepada golongan yang benar-benar memerlukan, selain menambah baik perbelanjaan fiskal kerajaan.



Kerajaan terpaksa menanggung kos subsidi petrol tahun ini sebanyak RM37.3 bilion.

Siapa dapat subsidi petrol?

Hampir RM20 bilion daripada RM37.3 bilion subsidi petrol tahun 2022 dinikmati golongan **T20**.



Carta menunjukkan anggaran agihan penggunaan subsidi petrol tahun 2022.

KOS SUBSIDI NEGARA



Petrol

- RM37.3 bilion



Minyak masak

- RM4 bilion



Tepung & elektrik

- RM9.7 bilion

Tambah . Muhammad Daaniyall, subsidi bersasar itu mampu memberikan penjimatan terhadap perbelanjaan kerajaan.

"Penjimatan itu boleh disalurkan semula kepada ekonomi terutama peniaga dan pengeluar agar mereka dapat mengekalkan proses pengeluaran dan menghasilkan produk dengan harga kompetitif untuk pasaran," ujarnya.